

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING]

SOALAN NO. 300

minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan purata markah kokurikulum pelajar lepasan program diploma di bawah IPTA yang membuat permohonan ke IPTA dari tahun 2000 hingga 2018, dengan pecahan setiap tahun.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian mengamalkan prinsip meritokrasi yang mengguna pakai 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum di dalam pemilihan kemasukan pelajar ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) yang dilaksanakan sejak daripada Sesi Akademik 2002/2003. Berdasarkan prinsip meritokrasi, semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal diberi peluang untuk mengikuti pengajian di IPTA dan ILKA.

Calon-calon yang layak dan memenuhi Syarat Am, Syarat Khas Program Pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan berdasarkan kepada pilihan program pengajian yang dipilih oleh calon. Pemilihan calon lepasan Diploma/Setaraf untuk kemasukan ke program Ijazah Sarjana Muda adalah berdasarkan prinsip meritokrasi dan markah merit **dikira berdasarkan 100% markah akademik dan tidak mengambilkira markah kokurikulum serta diluluskan oleh Senat Universiti.** RT39/300